

Kehadiran Pelancong Muslim ke Masjid-masjid Pelancongan di Melaka :

Tinjauan Terhadap Amalan Solat dan aktiviti di Masjid

Mohd Azam Yahya, Suhaimi Abu Hassan

Shahrul Hilmi Othman & Azman Ripin

Kehadiran Pelancong Muslim ke Masjid-masjid Pelancongan di Melaka : Tinjauan Terhadap Amalan Solat dan aktiviti di Masjid

Mohd Azam Yahya

Pensyarah kanan, Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Suhaimi Abu Hassan

Pensyarah, Fakulti Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Shahrul Hilmi Othman

Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Azman Ripin

Pensyarah, Fakulti Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan,
Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: azamyahya@kuim.edu.my

Article history:

Received : 25 September 2021

Accepted : 12 Oktober 2021

Published : 7 Disember 2021

ABSTRAK

Masjid merupakan rumah ibadat bagi orang Islam di samping menjadi tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan agama. Tambahan pula, pada masa kini keunikan yang terdapat pada sesetengah masjid bukan sahaja menjadi tempat menunaikan kewajiban solat, bahkan telah menjadi salah satu daya tarikan para pelancong. Di Melaka sahaja telah terdapat puluhan buah masjid. Walaubagaimanapun, kajian ini memberi fokus kepada masjid-masjid yang mempunyai keunikan dan sejarah tertentu selain untuk mengkaji tujuan pelancong muslim datang ke masjid tersebut serta cadangan penambahbaikan bagi menarik lebih ramai pelancong muslim untuk datang ke masjid pelancongan selain menjalankan ibadah dengan istiqamah.

Kata kunci: masjid, pelancongan, pelancong muslim, aktiviti

ABSTRACT

THE PRESENCE OF MUSLIM TOURISTS TO TOURISM MOSQUES IN MELAKA: AN OVERVIEW OF PRAYER PRACTICES AND ACTIVITIES IN MOSQUES

The mosque is a house of worship for Muslims as well as a place to carry out activities involving religion. Furthermore, nowadays the uniqueness of some mosques is not only a place to perform the obligation of prayer, but has even become one of the attractions for tourists. In Melaka alone there are dozens of mosques. However, this study focuses on mosques that have a certain uniqueness and history besides to studying the purpose of Muslim tourists coming to the mosque and suggestions for improvement to attract more Muslim tourists to come to the mosque tourism in order to performing worship with istiqamah.

Keywords: mosque, tourism, muslim tourist, activities

PENGENALAN

Solat Fardhu merupakan tuntutan agama yang termaktub dalam salah satu rukun Islam yang lima. Tuntutan ini boleh dilaksanakan sama ada di rumah mahupun di surau ataupun masjid. Namun begitu, banyak kelebihan dan besar ganjarannya sekiranya tuntutan solat fardhu ini dapat dilaksanakan secara berjemaah di surau dan masjid sebagaimana pernyataan daripada mafhum beberapa hadis Baginda Rasulullah SAW seperti berikut :

“Sesiapa yang pergi ke masjid (menunaikan solat) di waktu pagi dan petang, Allah SWT menyediakan baginya sesuatu hidangan yang biasa diberikan kepada tetamu di syurga bagi setiap kali ia pergi ke masjid pada waktu pagi dan petang”

(Abu Hurairah)

“Seseorang mengambil wudhu dengan sempurna lalu berjalan menuju ke masjid semata-mata untuk mengerjakan solat maka setiap langkahnya akan ditingkat satu darjah dan digugurkan satu dosa serta diberikan satu pahala. Setelah bersolat dan duduk di dalam masjid (dalam berwudhu) maka para malaikat akan memohon rahmat dan keampunan untuknya. Selama ia duduk untuk menunggu untuk menunaikan solat seterusnya maka dia secara terus menerus dapat pahala solat selama mana ia menunggu waktu solat tersebut”

(Muttawaf `alaih)

“Berilah berita gembira kepada mereka yang selalu berjalan ke masjid dalam kegelapan malam bahawa mereka akan memperoleh nur yang sempurna pada hari kiamat”

(Ibn Majah)

Banyak lagi terdapat pernyataan-pernyataan dalam hadis dan kata-kata ulama yang membicarakan mengenai kelebihan solat di rumah Allah dengan ganjaran-ganjaran yang besar di akhirat kelak.

Dewasa ini, para pemimpin setempat dan jawatankuasa masjid juga sibuk menyediakan dan mengindahkan masjid untuk menarik lebih ramai lagi komuniti datang solat di masjid seperti berpenghawa dingin, berkarpet lembut, berwarna dinding yang cantik, berair mineral dan sebagainya. Tambah-tambah lagi, bagi setiap negeri terdapat masjid-masjid yang diwartakan sebagai masjid pelancongan dan menjadi salah satu produk pelancongan agama. Justeru itu, terdapat tiga perkara yang boleh menarik komuniti muslim untuk hadir ke masjid iaitu ; 1, ganjaran dan kelebihan yang dikurniakan oleh Allah, 2, kemudahan atau fasiliti yang terdapat di masjid dan yang ke 3, promosi dari badan-badan pelancongan negeri. Konsep pelancongan masjid ini juga dibuktikan lagi pada 26 Julai 2016 yang mana satu seminar Pelancongan Islam telah diadakan di Kolej Universiti Islam Melaka dengan memberikan penumpuan terhadap pelancongan masjid-masjid di sekitar negeri ini. Inisiatif untuk mengimarahkan masjid kini tidak lagi hanya tertumpu kepada aktiviti-aktiviti ibadah umat Islam sahaja, bahkan ianya diperluaskan kepada aktiviti dakwah untuk *non-muslim* seperti menjadikan masjid sebagai produk pelancongan dalam usaha menarik kehadiran mereka melawat tempat suci ibadah umat Islam seterusnya dapat membuka hati mereka menerima keindahan dan kesucian Islam itu Pernyataan

Kehadiran Pelancong Muslim ke Masjid-masjid Pelancongan di Melaka :

Tinjauan Terhadap Amalan Solat dan aktiviti di Masjid

Mohd Azam Yahya, Suhaimi Abu Hassan

Shahrul Hilmi Othman & Azman Ripin

ini diperkuuhkan oleh kenyataan daripada Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Datuk Seri Nancy Shukri yang menyifatkan masjid sebagai satu produk pelancongan ‘niche’ yang menerima sambutan menggalakkan daripada negara bukan Islam seperti Korea, Jepun dan Taiwan. Justeru, masjid-masjid tertentu yang terdapat di setiap negeri-negeri di Malaysia telah diisytiharkan sebagai masjid pelancongan sebagai usaha menarik orang ramai datang melawat kesucian dan keindahan masjid-masjid tersebut.

PENYATAAN MASALAH

Melaka merupakan sebuah negeri di Selatan Malaysia yang terkenal dengan produk-produk pelancongannya terutama yang melibatkan kepada kesan-kesan peninggalan sejarah. Produk pelancongan ini juga dikira sebagai salah satu pemanca kepada pembangunan ekonomi negeri. Salah satu produk pelancongan di negeri Melaka adalah Masjid-masjid kerana ia berpotensi menjadi tempat tarikan pelancong muslim dan *non-muslim* dari dalam dan luar negara. Antara masjid-masjid di Melaka yang menjadi pilihan pelancong untuk melawat adalah :

- i. Masjid Cina (Berita Pas, 2019)
- ii. Masjid Selat dan dikenali sebagai Masjid Terapung (BH Online, 2019)
- iii. Masjid Kampung Hulu (mymetro, 2018)
- iv. Masjid Tengkera (Arkib Negara Malaysia, 2020)
- v. Masjid Al-Azim (Gerbang E-dagang, 2020)

Solat fardhu merupakan tiang agama yang mana ia merupakan sebesar-besar ibadah yang mendekatkan diri hamba dengan Allah SWT dan mampu mendidik akhlak manusia kepada keperibadian yang tinggi (Suhaimi Abu Hasan et all, 2019). Kewajipan solat ini ditambah lagi terhadap kelebihan dan kepentingan untuk menunaikannya secara berjemaah di masjid. Sesungguhnya solat berjemaah di masjid amat dituntut dalam Islam terutama kepada golongan lelaki yang berkemampuan. Galakan ini disebutkan banyak dalam hadis-hadis Baginda SAW.

Melihat kepada isi dan intipati dalam permasalahan ini, terdapat dua perkara yang menjadi tumpuan iaitu masjid pelancongan dan galakan menunaikan solat secara berjemaah di masjid. Sehubungan itu, kajian ini akan merungkai mengenai kehadiran pelancong-pelancong muslim di masjid-masjid pelancongan sama ada kehadiran mereka ke masjid-masjid tersebut hanya untuk melihat keindahannya sahaja atau sememangnya mereka ini tergolong dalam mereka yang mengamalkan solat berjemaah di masjid.

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Untuk mengetahui tujuan pelancong muslim hadir ke masjid pelancongan
- b) Menganalisis terhadap tujuan lawatan tersebut dengan amalan kebiasaan mereka terhadap solat di masjid
- c) Cadangan kepada masjid-masjid pelancongan untuk menyediakan program yang boleh memberikan galakan kepada pelancong muslim untuk istiqamah solat di masjid

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Masjid yang diisyihar sebagai masjid pelancongan juga mampu bertindak sebagai medium dakwah untuk umat Islam sendiri mahupun kepada non-muslim (Siti Rokyah Md Zain et all, 2016). Menurut Ang Kean Hua (2015), objek utama kepada industri pelancongan di negeri Melaka adalah kesan-kesan tinggalan sejarah yang menarik termasuk pelancongan rekreasi seperti Melaka River Cruise, Taman Mini Malaysia dan Zoo. Kajian ini menumpukan kepada penjagaan dan pemuliharaan objek pelancongan serta mempertingkatkan kemudahan akses yang lengkap. Kajian ini dipersetujui oleh Er Ah Choy (2013) yang menyatakan bahawa penjagaan dan pemuliharaan objek pelancongan menjadi agenda tarikan pelancong untuk datang ke Melaka.

Noor Fiteri Abdullah et all (2015) menyatakan bahawa setiap masjid pelancongan sewajarnya menyediakan penginapan patuh syariah dalam usaha untuk menyemarakkan lagi kehadiran pelancong-pelancong secara pelancongan islamik. Begitu juga penulisan daripada Muhamad Faisal et all (2019) yang merumuskan bahawa kebiasaannya terdapat tiga komponen iaitu mempunyai ruang yang selesa, memiliki pusat penyampaian maklumat dan mempunyai latar belakang pembinaannya yang unik. Tiga komponen ini juga telah dinyatakan oleh Mohd Hilmee Umar et all (2018) dalam menjelaskan mengenai pengurusan terhadap sesebuah masjid pelancongan.

Melihat kepada penulisan-penulisan di atas, dapat dirumuskan bahawa belum terdapat lagi kajian yang menumpukan kepada tajuk kajian ini iaitu untuk mengenalpasti kehadiran pelancong muslim ke masjid-masjid pelancongan tersebut hanyalah sekadar melawat sahaja ataupun sememangnya mereka merupakan ahli masjid.

HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini dijangka mendapati bahawa majoriti pelancong muslim yang datang melawat masjid-masjid pelancongan di Negeri Melaka hanyalah sekadar untuk melawat sahaja dan bukanlah amalan kebiasaan mereka bersolat di masjid.

METODOLOGI KAJIAN

Pembentukan Tajuk

Meninjau dan memerhatikan sesuatu isu yang berlaku iaitu kehadiran pelancong muslim ke masjid-masjid pelancongan pada musim-musim percutian. Dalam masa yang sama, masjid pula sememangnya merupakan rumah ibadat orang Islam yang sangat digalakkan untuk mendirikan solat fardu secara berjemaah. Justeru, tajuk ini dibina untuk mengenalpasti mengenai tujuan lawatan mereka ke masjid-masjid tersebut dan amalan solat mereka di masjid masing-masing.

Kaedah Dapatan Data

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan mengedarkan set soalan untuk dijawab oleh responden dengan menjawab berdasarkan format soalan yang diberi. Set soalan akan diedarkan pada hari cuti am iaitu pada hari Sabtu (mengambil kira hari cuti am bagi setiap negeri di Malaysia)

Kehadiran Pelancong Muslim ke Masjid-masjid Pelancongan di Melaka :

Tinjauan Terhadap Amalan Solat dan aktiviti di Masjid

Mohd Azam Yahya, Suhaimi Abu Hassan

Shahrul Hilmi Othman & Azman Ripin

Instrumen Kajian

Kaedah mengumpul data adalah melalui set soalan yang diedarkan secara rawak kepada pelancong-pelancong muslim yang datang melawat masjid-masjid pelancongan yang terdapat di negeri Melaka. Set soalan tersebut terdiri daripada empat bahagian iaitu :

Demografi

- i. Umur
- ii. Jantina

* Menjawab soalan berdasarkan soalan yang diberi

Tujuan Lawatan ke Masjid

- i. Singgah Untuk Solat
- ii. Melawat Kesan-kesan Sejarah

* Menjawab berdasarkan peratusan mudah Ya atau Tidak

Kelaziman Menunaikan Solat di Masjid Tempatan

* Menjawab berdasarkan peratusan mudah Ya atau Tidak

Cadangan Penambahbaikan di Masjid Pelancongan Tersebut Untuk Galakan Pelancong Iltizam Dengan Solat di Masjid

* Menjawab berdasarkan soalan yang diberi

RUMUSAN DAN CADANGAN

Dalam kehidupan seharian umat Islam solat lima waktu kerana ia satu tanggungjawab seorang insan yang beriman pada Allah s.w.t.namun begitu amal ibadah ini boleh dilaksanakan secara berjemaah di masjid dan surau.Ia bagi mendapat pahala berjemaah serta merapatkan silaturahim sesama insan tidak kira usia dan status seseorang. Dalam Persoalan ini juga umat Islam harus ingat jua bila kita ke masjid kita beribadah disamping itu jua kita harus memupuk mengenali masjid dari aspek sejarah dan urusan pentadbiran masjid tersebut. Ini amat jelas sekali bila kita ke masjid untuk beribadah disamping memperolehi ilmu sejarah penubuhan masjid, ukiran masjid serta corak kepimpinan sesebuah masjid di seluruh Semenanjung Malaysia amnya di Melaka

Lihat baagaimana Islamic Tourism Centre melancarkan ayat “Muslim Friendly” ia bermaksud Islam untuk semua serta Islam adalah agama yang toleransi dalam kehidupan seharian manusia serta ia banyak sejarah yang boleh dipelajari dan ingati dalam kehidupan seharian kita bila mengunjungi sesebuah masjid untuk beribadah pada yang maha esa.

Cadangan yang dapat kita lihat dalam kertas ini ialah :

1. Pihak Masjid seharusnya melantik seorang pegawai perhubungan awam yang bertugas menerangkan tentang latar belakang masjid serta sejarah penubuhan masjid.

2. Sebagai Seorang yang suka melancong dan suka singgah di sesebuah masjid kita harus beri sedikit masa untuk mengenali atau mengetahui sesebuah masjid yang dibina dalam aspek ukiran kayu dan organisasi sesebuah masjid .ia amat berguna dalam perhubungan dua hala ketika ingin mengadakan program di masjid dan sebagai pengetahuan am.
3. Semua ahli Jawatankuasa masjid atau surau seharusnya mempunyai bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris bagi menerangkan sesuatu perkara yang berkaitan masjid pada para pelancongan luar negara yang singgah untuk melihat keindahan ukiran masjid.
4. Pihak Kementerian juga harus memain peranan penting dalam mempromosikan sesebuah masjid sebagai agenda peloncongan negeri dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang sihat untuk masyarakat yang hadir.
5. Alunan ayat Al Quran dan terjemahan ayat dalam bahasa Inggeris harus dilaksanakan sebagai satu pembelajaran umat memahami kehidupan sehari-hari serta untuk para pelancongan luar negara yang hadir ke sesebuah masjid di Malaysia.

PENUTUP

Masjid merupakan tempat beribadah namun begitu dengan ukiran yang cantik serta seni ia juga boleh diambil kira sebagai tempat melancong juga dimana kita boleh mengetahui sejarah penubuhan serta ciri-ciri ukiran masjid yang unik. Malaysia boleh juga mengambil masjid salah satu tempat melancong dimusim pandemik covid 19 secara virtual. Disamping datang masjid untuk bersebahyang ia juga boleh dapat ilmu melalui sejarah penubuhan sesebuah masjid. Jom kita ke masjid beribadah disamping mengenali ukiran masjid serta sejarah penubuhan masjid dari carta organisasi sesebuah masjid.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Ang Kean Hua (2015), *Melaka Sebagai Pusat Pelancongan Dunia : Dapatkah Dipertahankan?*, Malaysian Journal of Society and Space 11, jld 9, hlm. 75-85.

DestinasiMesraMuslim, MyMetro,

<https://www.hmetro.com.my/santai/2018/08/372135/destinasi-mesra-muslim>, diakses pada 28 Disember 2020.

Er Ah Choy (2013), *Pembangunan Pelancongan Lestari di Melaka : Perspektif Pelancong*, Malaysian Journal of Society and Space 11, jld 3, hlm. 12-23.

Garis Panduan Pelancongan dan Lawatan ke Masjid, *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*.
Lihat juga Garis Panduan Pelancongan dan Lawatan ke Masjid, *Jabatan Agama Islam Melaka*.

Gerbang E-Dagang Rasmi Negeri Melaka, http://www.e-melaka.com/malay/tempat_menarik/Al_Azim.htm, diakses pada 29 Disember 2020.

Masjid Cina Negeri Melaka : Lebih Bermakna Jika Imam dan Muazzin Dari Cina Muslim, *rencana yang disiarkan dalam Berita Pas*, <https://berita.pas.org.my/rencana-masjid-cina-negeri-melaka-lebih-bermakna-jika-imam-dan-muazzin-dari-cina-muslim/>, diakses pada 28 Disember 2020.

Masjid-masjid Bersejarah, Arkib Negara Malaysia, <http://www.arkib.gov.my/web/guest/masjid-masjid-bersejarah2>, diakses pada 28 Disember 2020/

Masjid Pelancongan, Harian Metro, <https://www.hmetro.com.my/santai/2019/02/420808/masjid-pelancongan>, diakses pada 29 Disember 2020.

Kehadiran Pelancong Muslim ke Masjid-masjid Pelancongan di Melaka :

Tinjauan Terhadap Amalan Solat dan aktiviti di Masjid

Mohd Azam Yahya, Suhaimi Abu Hassan

Shahrul Hilmi Othman & Azman Ripin

Masjid Pelancongan Tarikan Baharu Dalam Industri,
<https://www.sinarharian.com.my/article/102736/BERITA/Nasional/Masjid-pelancongan-tarikan-baharu-dalam-industri-Nancy-Shukri>, diakses pada 29 Disember 2020

Mohd Hilmee Umar et all (2019), *Pelaksanaan dan Pengurusan Masjid Pelancongan di Malaysia*, E-Book Of Masjid, Zakat And Waqf Management 2018 (IMAF 2018) (E-ISBN 978-967-13087-4-5) 4TH D, hlm. 12-23.

Pelancongan Masjid Jadi Tarikan Utama, *Melaka Hari Ini*,
<http://tourismmelakaofficial.blogspot.com/2016/07/masjid-sebagai-tarikan-baru-pelancongan.html>, diakses pada 28 Disember 2020.

Pelancongan Melaka Perlu Tarikan Baharu, *BH Online*,
<https://www.bharian.com.my/renanca/komentar/2019/03/543203/pelancongan-melaka-perlu-tarikan-baharu>, diakses pada 28 Disember 2020.

Suhaimi Abu Hassan et all (2019), Kesan Pelaksanaan Solat Terhadap Akhlak Mukallaf Menurut al-Quran dan Al-Sunah, Jurnal Ulwan, Kolej Universiti Islam Melaka, hlm. 100-115.

Siti Rokyah Md Zain et all (2016), *Masjid Sebagai Produk Pelancongan : Satu Tinjauan*, Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016), Selangor : Malaysiam hlm. 16-21.